

21/05/1998

Usahawan perlu bijak hadapi order ekonomi

KUALA LUMPUR, Rabu - Usahawan perlu bijak mencari ruang yang sesuai untuk mendepani order ekonomi dunia baru, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dunia perniagaan yang melalui proses perubahan radikal membabitkan teknologi dan falsafah kini menyebabkan perusahaan kecil yang wujud sebelum ini sukar bersaing dalam dunia perniagaan sekarang.

"Hanya usahawan yang benar-benar tulen mampu menghadapi cabarannya.

"Untuk itu, mereka perlu memikirkan idea baru dalam menjalankan perniagaan dan cara persembahan," katanya ketika merasmikan Persidangan Asia Pasifik Kedua Pertubuhan Usahawan Muda (YEO) di sini, hari ini.

Ucapan beliau dibacakan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapha Mohamed.

Turut hadir Presiden YEO Malaysia, Vijay Kishu Tirathrai dan Presiden YEO Antarabangsa, Douglas Mellinger.

Pertubuhan yang beribu pejabat di Amerika Syarikat itu ditubuhkan pada 1987 bagi membantu usahawan muda membangunkan syarikat masing-masing. Ia dianggotai kira-kira 2,000 ahli dari 11 negara.

Selain itu, Perdana Menteri juga berkata, untuk berjaya, usahawan perlu mengetahui persekitaran operasi perniagaan yang disertai.

Menurutnya, kegawatan ekonomi tetap akan memberi peluang perniagaan baru kepada usahawan.

"Usahawan yang berjaya ialah mereka yang dapat mengenal pasti peluang dan kemudian menterjemahkannya kepada perniagaan yang mampu memberi pulangan menguntungkan," katanya.

(END)